



## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PRA-PELANCARAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

**KUCHING**, 12 Julai 2023 – Dato' Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak telah hadir bagi merasmikan **Majlis Pra-Pelancaran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023**. Sambutan ini diterajui Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia yang diraikan secara bergilir-gilir bersama muzium-muzium negeri dan institusi yang bergabung di bawah Persatuan Muzium Malaysia pada setiap tahun. Jabatan Muzium Sarawak sekali lagi dipilih menjadi tuan rumah selain daripada tahun 2003 dan 2013.

Tema yang diangkat bagi sambutan kali ke-27 ini ialah ***Museums, Sustainability and Well-Being*** (Muzium, Kemampanan dan Kesejahteraan). Ianya bertujuan sebagai hebahan awal kepada orang ramai tentang **sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 yang akan berlangsung bermula pada 31 Julai hingga 5 Ogos 2023**. Semestinya, sambutan ini akan memberikan impak positif kepada komuniti muzium dan pengunjung.

Sepanjang penganjuran program ini, pelbagai jenis pameran bakal dipamerkan dari muzium-muzium yang terdapat di seluruh Malaysia. Selain itu, terdapat aktiviti-aktiviti menarik juga telah dirangka bagi memeriahkan lagi sambutan ini seperti persembahan kebudayaan, persembahan artis-artis jemputan, bengkel dan seminar, program muzium bersama kumuniti, cabutan bertuah dan banyak lagi. Program yang akan berlangsung selama enam (6) hari ini akan diadakan di perkarangan Borneo Cultures Museum bermula jam 10 pagi hingga 10 malam. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Jabatan Muzium Malaysia di [www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my) atau *facebook* Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Sebastian Ting Chiew Yew, Timbalan Menteri Pelancongan dan YB Datuk Snowdan Donald Lawan, Timbalan Menteri Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak.

# Kementerian Perpaduan Negara

12 Julai 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ( )